


# MENDEPANI PANDEMIK COVID-IS:

Bukti Empirikal Daripada Hasil Penyelidikan



Bersama  
Hentikan  
Wabak  
Covid-19

Yarina Ahmad | Mohd Nazip Suratman  
Aminuddin Hassim | Mohamad Azhan Md. Amir  
Zulkiflee Abd Latif

# MENDEPANI PANDEMIK **COVID-IS:**

Bukti Empirikal Daripada Hasil Penyelidikan

*Editor*

*Yarina Ahmad*

*Mohd Nazip Suratman*

*Aminuddin Hassim*

*Mohamad Azhan Md. Amir*

*Zulkiflee Abd Latif*

©Penerbit UiTM, UiTM 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juar sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota  
**MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Yarina Ahmad

MENDEPANI PANDEMIK COVID-19 : Bukti Empirikal daripada Hasil Penyelidikan/  
Yarina Ahmad, Mohd Nazip Suratman, Aminuddin Hassim, Mohamad Azhan  
Md. Amir, Zulkifle Abd Latif.  
ISBN 978-967-363-745-4  
1. COVID-19 Pandemic, 2020-.  
2. COVID-19 (Disease)--Prevention.  
3. COVID-19 (Disease) --Safety measures.  
4. COVID-19 (Disease)--Social aspects.  
5. Government publications--Malaysia.  
I. Mohd Nazip Suratman. II. Aminuddin Hassim.  
III. Mohamad Azhan Md. Amir. IV. Zulkifle Abd. Latif.  
V. Judul.  
616.2414

Pereka Kulit Buku: Amirazlan Abdul Razak

Pereka Letak: Mohd Fadhel Mohd Drus

Dicetak di Malaysia oleh: Pusat Percetakan UiTM  
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka  
Universiti Teknologi MARA  
40450, Shah Alam  
Selangor

# KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar I</i>	xii
<i>Kata Pengantar II</i>	xiii
<i>Kata Pengantar III</i>	xv
<i>Maklumat Organisasi</i>	xvii
<i>Prakata</i>	xxv
<i>Penghargaan</i>	xxix
<i>Senarai Rajah</i>	xxxi
<i>Senarai Jadual</i>	xli
<i>Senarai Penghargaan</i>	xlv
<i>Senarai Singkatan</i>	xlix

- **Bab 1: Pandemik COVID-19: Krisis Kesihatan Dunia** 1  
*Yarina Ahmad, Mohd Nazip Suratman, Aminuddin Hassim, Siti Nur Fathanah Abd Hamid & Shimaa Shazana Mohd Ali*
- **Bab 2: Sorotan Literatur** 21  
*Mohd Nazip Suratman, Siti Nur Fathanah Abd Hamid, Yarina Ahmad, Nor Azira Ayob, Nur Amalina Aziz, Umi Nurul Najihah Azman, Noraine Bahari, Mohd Muzamir Mahat, Nor Aziah Alias, Mohamad Azhan Md Amin & Muhammad Fauzie Ismail*
- **Bab 3: Kempen Pembudayaan Norma Baharu** 49  
*Nor Azira Ayob, Mohd Nazip Suratman, Noraine Bahari, Shimaa Shazana Mohd Ali, Yarina Ahmad, Intan Suria Hamzah, Mohamad Azhan Md Amin, Muhammad Fauzie Ismail, Mohd Khairi Abd Ghani, Abdul Aziz Mahamad Zabidin, Hussain Moh & Siti Nur Afiqah Mohamed Musthafa*
- **Bab 4: Pendekatan Kajian** 77  
*Yarina Ahmad, Siti Nur Fathanah Abd Hamid, Umi Nurul Najihah Azman, Amar Alif Abdullah, Mohd Nazip Suratman & Zulkiflee Abd Latif*
- **Bab 5: Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Dasar-Dasar di Dalam dan Luar Negara** 131  
*Siti Nur Fathanah Abd Hamid, Suhaily Hasnan, Mohammad Azuwadi Mohd Yasin, Amar Alif Abdullah & Yarina Ahmad*

# PRAKATA



Buku ini merupakan kompilasi hasil dapatan Kajian Impak Kempen Pembudayaan Norma Baharu yang telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama di antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Matlamat utama penerbitan buku penyelidikan ini adalah bertujuan untuk berkongsi dan menyebar luas hasil dapatan kajian yang diperoleh kepada semua pihak termasuklah pembuat keputusan, pembuat dan pelaksana dasar, sektor korporat dan badan bukan kerajaan, pemimpin komuniti serta masyarakat setempat.

Ummum mengetahui, penyakit Coronavirus atau lebih sinonim sebagai COVID-19 yang telah diisyiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 12 Mac 2020 telah menggegarkan seluruh pelosok dunia dengan keseriusannya terutama sekali dari sudut kebolehjangkitan yang mudah dan cepat merebak dalam jangka masa yang singkat, serta boleh membawa kepada kematian terutama sekali dalam kalangan individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak, wanita hamil, pesakit yang mempunyai penyakit kronik dan mempunyai sistem ketahanan badan yang rendah.

Semenjak pengisytiharan pandemik COVID-19 oleh WHO, Malaysia telah mengambil tindakan drastik dengan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP, PKP Bersyarat, PKP Diperketatkan, PKP Pemulihan), memperketatkan kawalan sempadan negara, pemberian insentif dan bantuan kepada rakyat, penambahbaikan proses ujian saringan COVID-19, penempatan kuarantin dan pesakit COVID-19, serta pembangunan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan penambahbaikan SOP dari semasa ke semasa. Kesemua inisiatif yang diambil oleh negara sangat memberi manfaat kepada setiap lapisan rakyat Malaysia dalam mendepani pandemik COVID-19. Keprihatinan negara ditonjolkan lagi apabila Kempen Pembudayaan Norma Baharu dilancarkan pada 8 Ogos 2020 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan dalam mencegah jangkitan dan penularan pandemik COVID-19 melalui amalan norma baharu yang telah terbukti kesahihannya melalui saranan penuh oleh WHO.